



SERBA DINAMIK HOLDINGS BERHAD (1167905-P)

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KEDUA

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Syarikat akan diadakan di Entrance 9C, IDCC Shah Alam, Level 7, Jalan Pahat L 15/L, Seksyen 15 Shah Alam, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada hari Isnin, 14 Mei 2018 pada jam 9.00 pagi, untuk mempertimbangkan urusan-urusan berikut:

AGENDA

Sebagai Urusan Biasa:

- Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 bersama dengan Laporan Pengarah dan Juruaudit yang berkaitan dengannya.

(Sila rujuk Nota Penjelasan 2 di bawah)

- Untuk melantik semula para Pengarah berikut yang bersara mengikut giiran selaras dengan Artikel 111 Perlembagaan Syarikat, dan kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:

(i) Dato' Mohamed Nor Bin Abu Bakar
(ii) Sharifah Irina Binti Syed Ahmad Radzi

Resolusi 1
Resolusi 2

- Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah dan manfaat lain berjumlah sehingga tidak melebihi RM1,5000,000 setahun bermula 1 Januari 2018 sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya.

Resolusi 3

- Untuk melantik semula Tetuan KPMG PLT sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.

Resolusi 4

Sebagai Urusan Khas:

Untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan wajar, meluluskan perkara berikut sebagai Resolusi Biasa:

- Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham dan Cadangan Baru Mandat Pemegang Saham bagi Urusniaga Yang Berulang Pihak Berkaitan Berbentuk Hasil atau Perdagangan.**

Resolusi 5

"BAHAWA, kelulusan adalah dan dengan ini diberi bagi Cadangan Pembaharuan Mandat dan Cadangan Baru Mandat Pemegang Saham untuk Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk melakukan urusniaga yang berulang dengan pihak berkaitan berbentuk hasil atau perdagangan yang termasuk di dalam jenis transaksi yang dinyatakan di dalam Seksyen 2.2 Bahagian A, Surat Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 13 April 2018 ("Surat Pekeliling"), dengan pihak-pihak berkaitan yang dinyatakan juga di dalam Seksyen 2.2 Bahagian A di dalam surat Pekeliling, urusniaga itu adalah perlu bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak syarikat dan yang dijalankan dalam perjalanan perniagaan biasa, atas terma yang tidak memihak kepada pihak berkaitan berbanding yang secara umumnya tersedia kepada orang awam dan tidak menjelaskan para pemegang saham minoriti.

BAHAWA kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut hendaklah bermula setelah resolusi ini diluluskan dan terus berkuatkuasa sehingga:

- tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan ("MAT") Syarikat yang akan datang, di mana pada masa itu ia akan luput, melainkan mandat di perbaharui menerusi resolusi yang diluluskan pada MAT akan datang;
- tamat tempoh dimana MAT yang berikutnya perlu diadakan mengikut Seksyen 340(2) Akta Syarikat 2016 ("Akta Syarikat") (tetapi tidak dilanjutkan sehingga tempoh lanjutan yang dibenarkan menurut Seksyen 340(4) Akta Syarikat); atau
- dibatalkan atau diubah menerusi resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham dalam mesyuarat agung;

yang mana lebih awal.

DAN BAHAWA para pengarah Syarikat diberi kuasa untuk menyempurnakan dan melaksanakan semua tindakan dan perkara yang mereka fikirkan sesuai atau perlu bagi menguatkuasakan Resolusi Biasa ini."

(Sila rujuk Nota Penjelasan 3 di bawah)

- Cadangan Kuasa Pembelian Balik Saham**

Resolusi 6

"BAHAWA, tertakluk kepada Akta Syarikat 2016, Syarat-Syarat Penyenaraian untuk Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan kelulusan daripada badan kerajaan/pihak berkuasa, Syarikat di beri kuasa untuk membela saham biasa Syarikat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa di Bursa Malaysia Securities Berhad atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Pengarah dan memberi manfaat untuk kepentingan Syarikat dengan syarat jumlah agregat saham yang dibeli menurut resolusi ini tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada jumlah bilangan saham yang diterbitkan oleh Syarikat seperti yang disebut di Bursa Malaysia Securities Berhad pada masa pembelian dan jumlah yang tidak melebihi keuntungan terkumpul Syarikat, pada masa pembelian

BAHAWA kuasa tersebut akan bermula apabila lulusnya resolusi ini dan akan terus berkuatkuasa sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang melainkan jika dibatalkan atau diubah oleh resolusi biasa pemegang saham Syarikat pada mesyuarat umum.

BAHAWA kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada para Pengarah Syarikat untuk memutuskan mengikut budi bicaranya untuk mengekalkan saham biasa Syarikat yang dibeli oleh Syarikat sebagai saham pertambahan dan / atau membatalkannya dan / atau menjual semula saham pertambahan atau mengedarkannya sebagai saham dividen dan / atau seterusnya membatalkannya.

DAN BAHAWA kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada Pengarah Syarikat untuk mengambil segala langkah yang perlu (termasuk melaksanakan semua dokumen yang diperlukan) dan untuk membuat perjanjian dan perkiraan dengan mana-mana pihak untuk melaksanakan, memuktamadkan dan memberi kesan sepenuhnya kepada yang disebut terdahulu dengan kuasa penuh untuk menyetujui apa-apa syarat, pengubahsuaian, variasi dan / atau pindaan (jika ada) sebagaimana yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan melakukan semua perkara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Para Pengarah dan memberi manfaat demi kepentingan Syarikat."

(Sila rujuk Nota Penjelasan 4 di bawah)

- Kuasa untuk Mengumpulkan dan Menerbitkan Saham**

Resolusi 7

"BAHAWA, tertakluk kepada Akta Syarikat 2016 ("Akta Syarikat"), Perlembagaan Syarikat dan kelulusan daripada badan kerajaan/pihak berkuasa, apabila kelulusan tersebut diperlukan, para Pengarah adalah dan dengan ini diberi kuasa mengikut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat, untuk menerbitkan saham syarikat, dari masa ke semasa dan mengikut terma dan syarat tertentu sebagaimana para Pengarah fikirkan sesuai dan demi kepentingan Syarikat, dengan syarat bahawa bilangan agregat saham yang diterbitkan menurut resolusi ini tidak melebihi 10% daripada jumlah modal saham terbitan Syarikat buat masa ini dan bahawa para Pengarah adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk mendapatkan kelulusan bagi penyenaraian dan sebutharga saham tambahan yang diterbitkan dari Bursa Malaysia Securities Berhad dan kuasa tersebut akan terus berkuatkuasa sehingga tamat Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat akan datang."

(Sila rujuk Nota Penjelasan 5 di bawah)

- Untuk melaksanakan sebarang urusan lain Syarikat yang mana notis sewajarnya telah diberikan.

Atas Perintah Lembaga Pengarah

**MUHAMMAD HAFIZ BIN OTHMAN (MIA 37218)
AZLIN AZLINA BINTI BORHAN NORDIN (LS 0008712)**

Setiausaha-Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur
Tarikh: 13 April 2018

NOTA:

1. Perlantikan Proksi

- Ahli Syarikat yang layak menghadiri dan mengundi di dalam mesyuarat berhak melantik mana-mana proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya.
- Ahli Syarikat yang mana dia adalah penama sah yang ditakrifkan di dalam Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("SICDA") boleh melantik satu (1) proksi bagi setiap akaun saham biasa Syarikat yang dipegang di dalam kredit akaun sekuriti tersebut.
- Ahli Syarikat yang merupakan penama sah terkecuali yang memegang saham-saham biasa syarikat untuk lebih dari seorang pemilik benefisial dalam satu (1) akaun sekuriti ("akaun omnibus"), maka tiada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama sah terkecuali tersebut bagi setiap akaun omnibus yang dipegangnya. Penama sah terkecuali merujuk kepada penama sah yang ditakrifkan di bawah SICDA yang dikecualikan daripada mematuhi peruntukan subseksyen 25A(1) SICDA.
- Jika penama sah terkecuali melantik dua (2) proksi atau lebih, nisbah pegangan yang akan diwakili oleh setiap proksi hendaklah dinyatakan dalam instrumen pelantikan proksi.
- Seorang Proksi boleh tetapi tidak semestinya sebagai seorang ahli Syarikat. Proksi yang dilantik untuk menghadiri dan mengundi mempunyai hak yang sama seperti Ahli untuk bersuara pada mesyuarat tersebut.
- Instrumen perlantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani pelantik atau pegawai beliau yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis, atau sekiranya pelantik adalah sebuah perbadanan sama ada di bawah meterai syarikat atau ditandatangani oleh pegawai atau peguam syarikat yang diberi kuasa sewajarnya.
- Instrumen perlantikan proksi hendaklah di hantar ke Pendaftar Saham Syarikat beralamat di Unit 32-01, Tingkat 32, Tower A, Vertical Business Suite, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur atau Pusat Perkhidmatan Pelanggan di Unit G-3, Ground Floor, Vertical Podium, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur empat puluh lapan (48) jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat atau sebarang penangguhan.
- Untuk tujuan menentukan ahli yang layak untuk hadir dan mengundi di mesyuarat itu, Pihak Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd untuk menyediakan Rekod Pendeposit bertarikh 19 Mei 2017 dan hanya pendeposit yang namanya terdapat di dalam Rekod Pendeposit berhak untuk menghadiri mesyuarat atau melantik proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya.

2. Agenda Perkara 1

Agenda perkara ini adalah untuk perbincangan sahaja. Di bawah peruntukan Seksyen 340(1)(a) Akta Syarikat 2016 memerlukan Penyata Kewangan Beraudit dan Laporan Pengarah dan Juru Audit dibentangkan oleh Syarikat di Mesyuarat Agung Tahunan. Oleh itu Agenda perkara ini tidak memerlukan resolusi undian para pemegang saham.

NOTA PENJELASAN MENGENAI URUSAN KHAS:-

3. Urusniaga Yang Berulang Pihak Berkaitan Berbentuk Hasil dan Perdagangan

Cadangan Resolusi 5 adalah untuk mendapatkan Mandat Pemegang Saham bagi membenarkan Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya memeterai Urusniaga Berulang Pihak Berkaitan Berbentuk Hasil dan Perdagangan dan membolehkan Syarikat mematuhi Perenggan 10.09, Bahagian E Syarat-Syarat Penyenaraian untuk Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Mandat ini akan berkuatkuasa dari tarikh Resolusi Biasa diluluskan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat berikutnya. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Surat Pekeliling bertarikh 28 April 2017 yang disertakan bersama Laporan Tahunan Syarikat bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2016.

4. Cadangan Kuasa Pembelian Balik Saham

Cadangan Resolusi 6 yang dicadangkan, jika diluluskan, akan memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat untuk membeli sehingga 10% daripada jumlah bilangan saham terbitan Syarikat dengan menggunakan dana yang diperuntukkan yang tidak akan melebihi keuntungan terkumpul Syarikat. Kuasa ini, kecuali dibatalkan atau diubah pada mesyuarat agung, akan tamat pada penutupan Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Penyata Beli Balik Saham bertarikh 13 April 2018 yang mengiringi Laporan Tahunan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

5. Kuasa Mengumpulkan dan Menerbitkan Saham

Cadangan Resolusi 7, jika diluluskan, akan memberi fleksibiliti kepada Pengarah untuk menjalankan aktiviti pengumpulan dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada penempatan saham untuk membantu projek-projek pelaburan Syarikat masa hadapan, modal kerja dan / atau pengambilalihan, dengan terbitan saham dalam Syarikat kepada sesiapa pada bila-bila masa, apabila para Pengarah fikirkan sesuai, tanpa perlu mengadakan mesyuarat agung. Kuasa ini, kecuali dibatalkan atau diubah oleh Syarikat dalam mesyuarat agung, akan tamat pada penutupan Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat akan datang.